

# PM mahu semua kaum sertai sambutan merdeka

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara yang akan disambut secara besar-besaran tahun depan membabitkan semua kaum bagi memupuk dan mengukuhkan perpaduan rakyat.

Perdana Menteri berkata, perpaduan rakyat memang sedia wujud tetapi ia masih rapuh dan harus ditangani dengan betul oleh semua pihak bagi memelihara serta memperkukuh jalinan itu.

“Saya mahu melihat sambutan ulang tahun merdeka (antara lain) memberi penekanan kepada perhimpunan budaya yang pelbagai bagi menggalakkan penyertaan semua masyarakat,” katanya dalam taklimat kepada pengarang media di sini, semalam.

Abdullah berkata, demi menjamin masa depan negara, setiap pihak tidak harus menganggap perpaduan rakyat majmuk negara ini sebagai sesuatu yang sekadar untuk dipertontonkan di permukaan saja.

“Dari segi luaran, kita kelihatan elok tetapi jauh di lubuk hati kita, sentimen perkatuman masih tebal,” katanya.

BH - 8/12/2006  
Abdullah berkata, beliau sudah mengarahkan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein supaya memastikan perpaduan kaum dipupuk dan diperkuatkan sejak pada peringkat sekolah rendah lagi.

“Kita harus beri galakan kepada pelajar semua kaum berinteraksi menerusi pergerakan seperti Pengakap dan Persatuan Bulan Sabit Merah serta kegiatan sukan seperti bola sepak atau sebagainya,” katanya.

Perdana Menteri berkata, sebab itulah kerajaan mahu lebih ramai ibu bapa bukan Melayu menghantar anak mereka belajar di sekolah kebangsaan termasuk memperbaiki pengajaran mata pelajaran bahasa ibunda seperti Mandarin dan Tamil.

Perdana Menteri berkata, bilangan pelajar bukan Melayu di sekolah kebangsaan adalah masih rendah.

Abdullah bersetuju bahawa pemimpin politik yang tidak bertanggungjawab sering menggunakan sentimen perkauman untuk mencari sokongan dan ia adalah ancaman terbesar kepada perpaduan kaum negara ini. — Bernama